

Ruj. : MBOT.600- 1/7/5 (8)
Tarikh : 18 Julai 2024

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PINDAAN NISBAH PENGAJAR KEPADA PELAJAR BAGI PROGRAM SARJANA MUDA YANG DIAKREDITASI MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI & TEKNIKAL, LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA


Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./tuan/puan sedia maklum, dasar akreditasi Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) sebelum ini telah menggariskan ketetapan bagi nisbah pengajar kepada pelajar peringkat sarjana muda adalah sebanyak 1:15, selari dengan yang digariskan dalam ketetapan Kerangka Kelayakan Malaysia.
3. Dalam usaha menambahbaik dasar dan proses akreditasi, TTAC MBOT telah menjalankan libat urus bersama pemegang taruh berhubung dengan ketetapan nisbah pengajar kepada pelajar bagi program peringkat sarjana muda. Hasilnya, TTAC MBOT berpandangan terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi nisbah pengajar kepada pelajar. Sehubungan itu, TTAC MBOT telah meminda ketetapan nisbah ini daripada **1:15** kepada **1:20** bagi tujuan meningkatkan fleksibiliti dan kualiti program di peringkat sarjana muda.
4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./tuan/puan boleh menghubungi YBrs. Ts. Dr. Nor Aznan bin Mohd Nor, Pengarah Sekretariat Akreditasi Teknologi & Teknikal, MBOT di talian **03-8800 6221** atau melalui e-mel n.aznan@mbot.org.my / ttas@mbot.org.my.

Perhatian dan tindakan selanjutnya daripada pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./tuan/puan berkenaan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(LT. KOL. PROFESOR DATO' TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal

Lembaga Teknologis Malaysia